



## **GARIS PANDUAN URUSAN PELESENAN PEMEGANG PAJAK GADAI**

**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**ISI KANDUNGAN**  
**GARIS PANDUAN URUSAN PELESENAN PEMEGANG PAJAK GADAI**

---

**BAHAGIAN I**

1. TUJUAN
2. LATAR BELAKANG
3. SKOP GARIS PANDUAN

**BAHAGIAN II**

4. GARIS PANDUAN
  - 4.1 MESYUARAT JAWATANKUASA PEMILIHAN LESEN BAHARU
  - 4.2 MODAL BERBAYAR
  - 4.3 PEMILIKAN LESEN
  - 4.4 KELULUSAN BERSYARAT
  - 4.5 KUOTA LESEN
  - 4.6 LESEN
  - 4.7 PEMBUKAAN CAWANGAN
  - 4.8 PREMIS

**BAHAGIAN III**

5. PELAKSANAAN
6. PEMAKAIAN
7. TARikh KUAT KUASA
8. LAMPIRAN
  - 8.1 SYARAT-SYARAT KELULUSAN LESEN BAHARU (LAMPIRAN I)
  - 8.2 LAPORAN PENYATA TRANSAKSI TAHUNAN (LAMPIRAN A)

# **GARIS PANDUAN URUSAN PELESENAN PEMEGANG PAJAK GADAI**

---

## **BAHAGIAN I**

### **1. Tujuan**

Garis Panduan Urusan Pelesenan Pemegang Pajak Gadai ini disediakan bertujuan untuk memberi panduan kepada pihak syarikat Pemegang Pajak Gadai, pemajak gadai, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), dan pihak berkepentingan lain dalam urusan berkaitan pelesenan Pemegang Pajak Gadai.

### **2. Latar Belakang**

- 2.1 Industri Pemegang Pajak Gadai telah wujud secara rasmi setelah *Pawnbrokers Ordinance 1871* dikuatkuasakan di Negeri-Negeri Selatan. Pada mulanya industri ini tertakluk di bawah 13 ordinan/ enakmen/ kaedah Kerajaan Negeri masing-masing sebelum Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 dikuatkuasakan.
- 2.2 Salah satu faktor utama pertambahan syarikat Pemegang Pajak Gadai berlesen ini adalah disebabkan oleh permintaan yang tinggi di pasaran sama ada oleh orang awam mahupun di kalangan sektor korporat bagi mendapatkan sumber kewangan dan pembiayaan.
- 2.3 Justeru, Garis Panduan ini diwujudkan sebagai salah satu medium kawalan dan pemantauan terhadap industri pajak gadai selain dijadikan rujukan dan panduan kepada pihak-pihak yang berkepentingan yang terlibat secara langsung ataupun tidak dalam industri ini.

### **3. Skop Garis Panduan**

3.1 Definisi Kelulusan Bersyarat, Pemegang Pajak Gadai, Kuota Lesen, Penyata Laporan Transaksi Tahunan dan Pemajak Gadai:

- 3.1.1 Kelulusan Bersyarat adalah tempoh masa yang diberikan kepada syarikat Pemegang Pajak Gadai yang telah diluluskan dalam pertimbangan Jawatankuasa Pemilihan Lesen Baharu untuk melengkapkan dan melaksanakan apa-apa syarat yang ditetapkan bagi tujuan mendapatkan lesen baharu;
- 3.1.2 Pemegang Pajak Gadai ditafsirkan sebagai orang yang menjalankan perniagaan pemajakgadaian;
- 3.1.3 Kuota Lesen ialah jumlah maksimum pengeluaran lesen yang ditetapkan bagi untuk sesuatu tempoh;
- 3.1.4 Penyata Laporan Transaksi Tahunan merupakan rekod penyata yang wajib dihantar oleh syarikat Pemegang Pajak Gadai kepada Pendaftar tidak lewat dari hari pertama bulan Februari setiap tahun; dan
- 3.1.5 Pemajak Gadai ertinya seseorang yang menyerahkan sesuatu barang untuk pajak gadai kepada seseorang pemegang pajak gadai.

3.2 Garis Panduan ini adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perundangan, dasar dan peraturan utama seperti berikut:

- 3.2.1 Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 [Akta 81];
- 3.2.2 Peraturan-Peraturan Pemegang Pajak Gadai (Kawalan dan Pelesenan) 2004;
- 3.2.3 Peraturan-Peraturan Pemegang Pajak Gadai (Pengkompaunan Kesalahan) 2018; dan

3.2.4 Mana-mana Undang-Undang Kecil, dasar dan perundangan yang berkaitan, garis panduan, pekeliling, peraturan yang diguna pakai dari semasa ke semasa.

## **BAHAGIAN II**

### **4. Garis Panduan**

#### **4.1 Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Lesen Baharu**

Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Lesen Baharu Pemegang Pajak Gadai perlu terdiri daripada Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar) sebagai Pengurus Jawatankuasa, 2 orang ahli (Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 44 dan ke atas) dan Setiausaha Bahagian Kawalan Kredit Komuniti sebagai Setiausaha Jawatankuasa.

#### **4.2 Modal Berbayar**

- 4.2.1 Pemohon lesen baharu Pemegang Pajak Gadai perlu mengemukakan modal berbayar sebanyak RM100,000 beserta penyata bank pengarah/syarikat berjumlah RM4.0 juta semasa permohonan dibuat; dan
- 4.2.2 Pemohon perlu menaikkan modal berbayar daripada RM100,000 kepada RM4.0 juta dalam tempoh kelulusan bersyarat.

#### **4.3 Pemilikan Lesen**

- 4.3.1 Pemberian lesen Pemegang Pajak Gadai hanya akan dipertimbangkan untuk syarikat yang telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 (Syarikat berstatus enterprise/perkongsian/tunggal tidak akan dipertimbangkan);
- 4.3.2 Pemohon lesen baharu Pemegang Pajak Gadai perlu mengemukakan maklumat e-info Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang terkini semasa permohonan dibuat;
- 4.3.3 Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat di dalam Syarat-Syarat Kelulusan Lesen Baharu (Lampiran I) sebelum mengemukakan

permohonan pemeriksaan premis baharu kepada Bahagian Kawalan Kredit Komuniti (BKKK);

- 4.3.4 Pemilik/Lembaga Pengarah syarikat yang mengemukakan permohonan lesen baharu Pemegang Pajak Gadai tidak boleh memiliki lesen Kredit Komuniti; dan
- 4.3.5 Syarikat Pemegang Pajak Gadai diwajibkan untuk menggunakan Lampiran A bagi penyediaan Penyata Laporan Transaksi Tahunan.

#### **4.4 Kelulusan Bersyarat**

Tempoh masa kelulusan bersyarat adalah 10 bulan dan permohonan bagi melanjutkan tempoh masa kelulusan bersyarat tidak dibenarkan.

#### **4.5 Kuota Lesen**

Tiada kuota lesen ditetapkan.

#### **4.6 Lesen**

Selain daripada pengarah/ pengurus/ setiausaha syarikat, wakil yang diberi kuasa oleh Pengarah syarikat juga dibenarkan untuk mengambil lesen baharu dan permit iklan baharu Pemegang Pajak Gadai.

#### **4.7 Pembukaan Cawangan**

Pembukaan cawangan tidak dibenarkan.

#### **4.8 Premis**

Pemohon lesen baharu Pemegang Pajak Gadai perlu mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk menjalankan kerja-kerja pengubahsuaian premis.

### **BAHAGIAN III**

#### **5. Pelaksanaan**

Setiap pegawai yang terlibat dengan urusan memproses lesen, syarikat Pemegang Pajak Gadai dan pemohon lesen baharu Pemegang Pajak Gadai adalah diwajibkan untuk mematuhi Garis Panduan ini bagi memastikan urusan pelesenan dikendalikan dengan teratur dan baik.

#### **6. Pemakaian**


Arahan ini terpakai kepada semua pegawai yang terlibat dengan urusan memproses lesen, syarikat Pemegang Pajak Gadai dan pemohon lesen baharu Pemegang Pajak Gadai.

#### **7. Tarikh Kuat Kuasa**

Garis Panduan ini berkuat kuasa mulai **2019.**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' SRI HAJI MOHAMMAD BIN MENTEK)**

Pendaftar Pemegang Pajak Gadai  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Tarikh: **9** Ogos 2019

**SYARAT-SYARAT  
KELULUSAN LESEN BAHARU  
(LAMPIRAN I)**

**SYARAT-SYARAT DI DALAM TEMPOH KELULUSAN BERSYARAT BAGI  
PEMEGANG PAJAK GADAI (PPG) DI BAWAH AKTA 81**

**1. Pindahmilik Surat Kelulusan Bersyarat**

Surat kelulusan bersyarat ini tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana orang lain.

**2. Pengesahan Alamat Premis Perniagaan**

Pemohon perlu mendapatkan kelulusan Kementerian ini terlebih dahulu bagi menjalankan perniagaan PPG di alamat operasi perniagaan yang dicadangkan. Surat pemberitahuan alamat operasi perniagaan seperti di Lampiran I-A hendaklah dikemukakan kepada Kementerian ini dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh surat kelulusan bersyarat ini dikeluarkan. Pemohon diingatkan bahawa rumah kediaman tidak boleh dijadikan sebagai premis perniagaan.

**3. Laporan Tapisan Polis dan Jabatan Insolvensi serta Bank Negara Malaysia**

- a) Semua ahli lembaga pengarah dan pekerja wajib lulus tapisan polis daripada Pusat Pendaftaran Penjenayah Malaysia dan Singapura, Polis Diraja Malaysia (PDRM) Bukit Aman dan bukan seorang yang diisyiharkan bankrap mengikut rekod Jabatan Insolvensi;
- b) Surat arahan Kementerian kepada pengarah bagi menghadirkan diri ke Pusat Pendaftaran Penjenayah Malaysia dan Singapura, PDRM Bukit Aman akan disertakan bersama surat kelulusan ini;
- c) Pemohon hendaklah memaklumkan kepada Kementerian ini nama dan nombor kad pengenalan pekerja di bawah syarikatnya. Surat arahan Kementerian kepada pekerja bagi menghadirkan diri ke Pusat Pendaftaran Penjenayah Malaysia dan Singapura, PDRM Bukit Aman akan dikemukakan kepada pemohon setelah menerima maklumat pekerja tersebut;
- d) Laporan tapisan polis akan dikemukakan oleh pihak PDRM terus kepada pihak Kementerian. Manakala bagi laporan Jabatan Insolvensi, pemohon adalah bertanggungjawap untuk mengemukakannya kepada Kementerian ini; dan
- e) Kesemua ahli lembaga pengarah dan pekerja mestilah bersih daripada kegiatan pengubahan wang haram dan kegiatan pembentangan keganasan.

**4. Modal Berbayar sebanyak RM4.0 juta**

- a) Pemohon perlu menaikkan modal berbayar kepada RM4.0 juta. Pemohon perlu mengemukakan maklumat e-info SSM terkini kepada Kementerian ini sebagai pembuktian; dan
- b) Sebarang perubahan ahli lembaga pengarah / pemegang saham / pekerja dan perubahan nama syarikat, pemohon perlu mendapatkan kelulusan Kementerian ini terlebih dahulu.

**5. Kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)**

Pemohon bertanggungjawab dalam memastikan PBT tidak mempunyai halangan memberi kebenaran untuk menjalankan perniagaan pemegang pajak gadai dan mengiklankan perniagaan Pemegang Pajak Gadai berlesen mengikut Undang-undang Kecil dan Peraturan-Peraturan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan.

**6. Syarat-syarat Pengubahsuaian Premis**

Pemohon perlu menyediakan premis perniagaan yang menepati syarat-syarat berikut:

- a) Mempunyai kebenaran daripada PBT untuk membuat kerja-kerja pengubahsuaian di premis berkenaan;
- b) Premis perniagaan hendaklah dijalankan di bangunan konkrit;
- c) Mempunyai alat pemadam api dan penggera asap yang masih dalam tempoh hayat dan mengikut piawaian yang diperakui oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia;
- d) Mempunyai alat penggera keselamatan yang berfungsi;
- e) Mempunyai sistem litar televisyen tertutup (CCTV) yang berfungsi;
- f) Tinggi kaunter yang dibina hendaklah tidak melebihi 1.2 meter (4 kaki) bagi membolehkan pemajak melihat proses menimbang barang pajakan (sekiranya pajakan adalah emas);
- g) Merekod transaksi secara berkomputer dan mengeluarkan surat pajak di samping penggunaan buku rekod;

## **LAMPIRAN I**

- h) Barang pajakan perlu disimpan dalam peti besi yang ditempatkan dalam bilik kebal yang ketebalan dindingnya minimum 22.86 cm (9 inci) dan pintunya boleh terkunci secara automatik selepas waktu perniagaan;
- i) Menyediakan peti besi berkunci untuk menyimpan dokumen perjanjian PPG di tempat yang selamat;
- j) Mempunyai Insurans *Jeweller's Block* yang komprehensif dan mencukupi pada setiap masa ke atas semua sandaran dalam milikannya dari semua risiko; dan
- k) Memberi talian telefon tetap, telefon bimbit serta alamat e-mel semua pengarah dan pekerja syarikat yang boleh dihubungi pada bila-bila masa oleh Bahagian Kawalan Kredit Komuniti, KPKT.

### **7. Tempoh Pelanjutan Masa Kelulusan Bersyarat**

Pelanjutan masa kelulusan bersyarat adalah tidak dibenarkan.

### **8. Pemeriksaan Premis**

- a) Permohonan pemeriksaan premis perlu dikemukakan kepada Kementerian sekiranya syarat-syarat pengubahsuaian premis telah dipatuhi;
  - b) Senarai semak pematuhan syarat Lesen Baharu PPG seperti di LAMPIRAN I-B hendaklah dilengkapkan oleh pemohon lesen setelah memenuhi syarat tersebut dan dikemukakan bersama-sama surat permohonan pemeriksaan premis perniagaan serta dokumen-dokumen sokongan; dan
  - c) Pemeriksaan premis akan dijalankan oleh Inspektor PPG bagi tujuan menyemak kepatuhan syarat-syarat tersebut. Pemohon lesen perlu hadir semasa pemeriksaan premis dijalankan.
9. Kelulusan ini juga adalah tertakluk pada syarat-syarat tambahan yang akan ditetapkan oleh Pendaftar dari masa ke semasa.

## LAMPIRAN I-A

Tarikh : .....

.....  
.....  
.....

Nama syarikat dan alamat

**PENDAFTAR PEMEGANG PAJAK GADAI  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN  
BAHAGIAN KAWALAN KREDIT KOMUNITI  
ARAS 22, NO.51, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4  
62100 PUTRAJAYA**

Tuan,

**CADANGAN ALAMAT OPERASI PERNIAGAAN PEMEGANG PAJAK GADAI  
MENGIKUT AKTA PEMEGANG PAJAK GADAI [AKTA 81]**

---

Berikut diberikan alamat operasi perniagaan pemegang pajak gadai yang dicadangkan:-

.....  
.....

.....(Tel) : ..... No. Faks : .....

Koordinasi GPS (jika ada):

.....

Turut disertakan adalah gambar pandangan hadapan premis tersebut.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

..... Nama : (No. K/P: )

Jawatan dalam syarikat :

No. Telefon tetap & telefon bimbit :

No. Faks :

Alamat e-mel :

Cop Syarikat:

**LAMPIRAN I-B****SENARAI SEMAK DOKUMEN-DOKUMEN  
PEMATUHAN SYARAT PERMOHONAN LESEN BAHRU PEMEGANG PAJAK GADAI**

Bil.	Dokumen	Status Sila tandakan (\) sekiranya telah dipatuhi
1	Surat pemberitahuan cadangan alamat operasi perniagaan (Lampiran I-A)	
2	Modal Berbayar RM4.0 juta (e-info SSM terkini)	
3	Sesalinan Perjanjian Sewa Beli / Jual Beli Premis Perniagaan / Geran Pemilikan	
4	<b>Syarat-syarat Pengubahsuaian Premis</b> <ul style="list-style-type: none"><li>a) Mendapat kebenaran daripada PBT untuk membuat kerja-kerja pengubahsuaian dan menjalankan perniagaan pemegang pajak gadai di premis berkenaan;</li><li>b) Premis perniagaan hendaklah dijalankan di bangunan konkrit;</li><li>c) Mempunyai alat pemadam api dan penggera asap yang masih dalam tempoh hayat dan mengikut piawaian yang diperakui oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia;</li><li>d) Mempunyai alat pengera keselamatan yang berfungsi;</li><li>e) Mempunyai sistem litar televisyen tertutup (CCTV) yang berfungsi;</li><li>f) Tinggi kaunter yang dibina hendaklah tidak melebihi 1.2 meter (4 kaki) bagi membolehkan pemajak melihat proses menimbang barang pajakan (sekiranya pajakan adalah emas);</li><li>g) Merekod transaksi secara berkomputer dan mengeluarkan surat pajak di samping penggunaan buku rekod;</li><li>h) Barang pajakan perlu disimpan dalam peti besi yang ditempatkan dalam bilik kebal yang ketebalan dindingnya minimum 22.86 cm (9 inci) dan pintunya boleh terkunci secara automatik selepas waktu perniagaan;</li><li>i) Menyediakan peti besi berkunci untuk menyimpan dokumen perjanjian PPG di tempat yang selamat;</li><li>j) Mempunyai Insurans Jeweller's Block yang komprehensif dan mencukupi pada setiap masa ke atas semua sandaran dalam milikannya dari semua risiko; dan</li><li>k) Memberi talian telefon tetap, telefon bimbit serta alamat e-mel semua pengarah dan pekerja syarikat yang boleh dihubungi pada bila-bila masa oleh Bahagian Kawalan Kredit Komuniti, KPKT.</li></ul>	

# **SURAT PENGESAHAN PENERIMAAN**

Setelah diisi sila kemukakan kepada:

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Kawalan Kredit Komuniti  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Aras 22, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62100 PUTRAJAYA**

Tuan,

## **PENGESAHAN PENERIMAAN SURAT KELULUSAN BERSYARAT**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat tuan .....  
bertarikh .....

2. Adalah dengan ini disahkan bahawa saya telah menerima SURAT KELULUSAN BERSYARAT - PERMOHONAN LESEN PEMEGANG PAJAK GADAI DI BAWAH AKTA PEMEGANG PAJAK GADAI 1972 [AKTA 81] DAN PERATURAN-PERATURAN PEMEGANG PAJAK GADAI (KAWALAN DAN PELESENAN) 2004.

pada tarikh : .....

Sekian terima kasih.

.....  
Tandatangan

Nama : Cop Syarikat :

No. Kad Pengenalan :

Tarikh :

# **LAPORAN PENYATA TRANSAKSI TAHUNAN**

**PANDUAN MENGISI REKOD TRANSAKSI SEMASA - LAMPIRAN A**

LAMPIRAN "A"

PERATURAN-PERATURAN PEMEGANG PAJAK GADAI (KAWALAN DAN PELESEHAN) 2004  
(Subperaturan 22(1))

REKOD TRANSAKSI TAHUNAN PEMEGANG PAJAK GADAI BAGI TAHUN.....

Tarikh Transaksi	: Dari	Hingga	31 Disember	1
Nama Pemegang Pajak Gadai				2
No. lesen				3
Alamat Pemegangan				4
Poskod	5.			5
Inidru Yang Sebele Dihubungi	Bander:			6
No. Telefon Telefon Telepon	8.			7
Email	No. Telefon Bimbit:			9
				10

Langkah 1

Wajib diisi dengan lengkap

BIL	MAKLUMAT	JUMLAH/PERATUS (%) / NILAI (RM)													
1	Butiran Pajakan Keseluruhan : (Tahan dilaporkan sahaja)														
	a) Nilai Pajakan	RM _____ (a)													
	b) Nilai Pajakan Yang Ditebus	RM _____ (b)													
	c) Nilai Pajakan Yang Belum Ditebus	RM _____ (c)													
2	Butiran Pajakan Individu :	Orang (d)													
	b) Jumlah & Nilai Gadaian Pernajak Mengikut kaum :	Bilangan Orang (e)	Peratusan (%) (f)	Nilai Pajakan (RM)			Pecahan Pajakan Mengikut Amalan Gadaian (Bilangan Orang)								
	I. Melayu			Nilai Gadaian (g)	Nilai Ditebus (h)	Nilai Tidak Ditebus (i)	Bawah 200 (j)	201-500 (k)	501-1000 (l)	1001-2500 (m)	2501-5000 (n)	5001-10000 (o)			
	II. Cina														
	III. India														
	IV. Bumiputera (Sabah/ Sarawak)														
	V. Lain-lain														
	VI. Bukan Warganegara														
	JUMLAH KESELURUHAN	100%													
3	Butiran Sandaran Yang Tidak Ditebus dan Dilengol :									p)	q)	r)	s)	t)	Langkah 4
	BIL Perkara	BIL Transaksi/Resit		BIL Sandaran		Nilai (RM)									
1	Transaksi kurang RM200 yang tidak ditebus (Menyediakan permegang lesen)														
2	Transaksi lebih RM200 yang tidak ditebus dan dilengol														
3	Lebihan jualan selepas lelong (Julan + Harga Rosep (Penjuru + 10%) + Kelembutan Jan + Kos-kos lain)														
4	Lebihan jualan lelong yang disenaraikan oleh pemajak														
5	Lebihan jualan lelong yang tidak ditentu oleh pemajak														
6	Sandaran yang dibeli oleh pemegang gadai dalam jualan lelong														

Langkah 3

Saya dengan ini mengaku bahawa butir-butir di atas adalah benar. Saya tahu bahawa apa-apa kerjaya yang mengelurkan, atau perihal pautan butir-butir di atas adalah suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Pemegang Pajak Gadai (Kawalan dan Pelesehan) 2004 serta menurut Akta Akuam Berkutan 1960.

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

**PANDUAN MENGISI REKOD TRANSAKSI PEMEGANG PAJAK GADAI - LAMPIRAN A**

Langkah 1:

Pastikan semua ruangan 1 - 10 diisi dengan lengkap dan betul

Langkah 2:

Nilai yang diisi di ruangan (a) adalah jumlah pajakan keseluruhan dalam tahun yang dilaporkan

Nilai yang diisi di ruangan (b) adalah jumlah pajakan yang ditebus

Nilai yang diisi di ruangan (c) adalah jumlah pajakan yang belum ditebus

Butiran Pajakan Individu (BIL 2):

Nilai yang diisi di ruangan (d) adalah jumlah keseluruhan pemajak (Bilangan Individu Orang)

Langkah 3:

(a) Jumlah pemajak keseluruhan (Melayu + Cina + India + Bumiputera (Sabah/ Sarawak) + Lain-lain + Bukan Warganegara)

(b) Bilangan orang pemajak mengikut kaum dan jumlah keseluruhan di bahagian ini sama dengan jumlah di bahagian (d)

(c) Nilai peratus (%) bagi bilangan pemajak mengikut kaum dan jumlah keseluruhan bersamaan dengan 100%

(d) Nilai gadaian yang dipercayai oleh pemajak mengikut kaum

(e) Nilai pajakan yang dibekas mengikut kaum

(f) Bilangan Pemajak yang amans pajakan di bawah RM200

(g) Bilangan Pemajak yang amans pajakan di antara RM201 - RM500

(h) Bilangan Pemajak yang amans pajakan di antara RM501 - RM1000

(i) Bilangan Pemajak yang amans pajakan di antara RM1001 - RM2500

(j) Bilangan Pemajak yang amans pajakan di antara RM2501 - RM5000

(k) Bilangan Pemajak yang amans pajakan di antara RM5001 - RM10000

Langkah 4:

(l) Jumlah sandaran kurang dari RM200 yang tidak ditebus menjadi mitik pemegang pajak gadai

(m) Jumlah sandaran lebih dari RM200 tidak ditebus dan dilengol

(n) Nilai lelong jualan lelong

(o) Lebihan jualan lelong yang diterimbangkan kepada pemajak

(p) Lebihan jualan lelong yang tidak ditentu oleh pemajak

(q) Sandaran yang dibeli oleh pemegang pajak gadai dalam jualan lelong

PERHATIAN :

Peraturan 22 (1), Akta Pemegang Pajak Gadai 1972

(1) "Pemegang pajak gadai hendaklah, tidak wujud dalipada hari perlama bulan Februari setiap tahun, menghantar kepada Pendatar suatu pernyataan mengandung apa-apa maklumat yang ditentukan oleh Pendatar dari semasa ke semasa".

(2) "Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini".

Jika disebutkan kesalahan :

Peraturan 24, Akta Pemegang Pajak Gadai 1972

"Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peraturan Peraturan-Peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disebutkan boleh difindah tidak mewujud seputuh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam buah atau keduanya".

Seksyen 14 (1), Akta Pemegang Pajak Gadai 1972

(1) "Apabila menyerahkan sesuatu barang sebagai pajak gadai, tiap-tiap pemegang gadai diminta hendaklah memberi kepada pemegang lesen apa-apa maklumat yang benar sebagai rima yang dikehendaki bagi maksud seksyen 14".

(2) "Mana-mana orang yang melanggar seksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disebutkan boleh difindah tidak mewujud dua puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua jelas buah atau keduanya".

**Nota:** Transaksi bagi tahun semasa perlu dihantar tidak lewat dari hari pertama bulan Februari tahun berikutnya.  
Sebagai contoh: Transaksi bagi tahun 2018 perlu dihantar tidak lewat dari hari perlama bulan Februari tahun 2019.